

Penduduk Bukit Rangin bimbang akan berdepan masalah banjir

Tebatan tiada kelulusan MPK

Oleh LUQMAN HAKIM AB. RAHIM
luqmanhakim.rahim@kosmo.com.my

KUANTAN – Kira-kira 100 penduduk di perkampungan Bukit Rangin di sini berdepan dengan ancaman banjir yang lebih buruk berikutan tindakan sebuah syarikat pemaju membina tebatan banjir dan sistem perparitan didakwa tidak mendapat kebenaran serta kelulusan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK).

Lebih malang lagi, pemaju dikatakan telah 'merampas' tanah penduduk seluas hampir 10 meter persegi secara sesuka hati untuk membina tebatan dan saluran parit.

Pembinaan projek itu menjadikan kawasan perumahan baharu bersebelahan dengan kampung tersebut lebih tinggi dan ia akan menyebabkan kawasan rendah lebih terdedah kepada ancaman banjir yang lebih buruk.

Seorang penduduk kampung, **Mohd. Faizal Ibrahim**, 39, berkata, perkampungan itu dilanda banjir saban tahun dan ia menjadi

**Cerita anda
Cerita kami**

Kongsi masalah dan cerita anda bersama
Kosmo!. Hubungi talian 03-9221 4001
atau e-mel ke kosmoberita@gmail.com

lebih teruk sejak perumahan baharu yang dibina oleh pemaju terbabit sejak awal tahun lepas.

“Secara logik kita boleh lihat apabila ada perumahan baharu dibina, sistem perparitan akan terjejas. Jika ia tidak dibina dan diperbaiki dengan kemas, masalah itu akan menjadi lebih buruk.

“Banjir besar yang melanda di negeri ini pada penghujung tahun lalu telah menenggelamkan kampung ini, sewajarnya pemaju belajar daripada kesilapan tersebut,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Bagi **Sidek Sulung**, 57, masalah tersebut perlu diberi perhatian oleh MPK kerana pihak berkuasa tempatan itu menjadi agensi yang bertanggungjawab meluluskan perancangan projek taman baha-



ZAILI (depan dua dari kanan) bersama sebahagian penduduk Kampung Bukit Rangin melihat projek tebatan banjir yang dibina oleh pemaju perumahan di atas tanah penduduk kampung berkenaan, Kuantan baru-baru ini.

ru itu.

Katanya, tindakan pemaju yang menggunakan tanah orang kampung untuk pembinaan benteng dan parit boleh dielakkan jika pemantauan lebih kerap dibuat oleh MPK.

rana ia dilakukan tanpa perbincangan, yang teruk nanti apabila musim tengkujuh, kampung ini pasti tenggelam teruk daripada sebelum ini,” dakwanya.

Sementara itu, **Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Panching, Datuk Mohd. Zaili Besar** yang mengadakan lawatan hasil daripada aduan penduduk itu berkata, pemaju sepatutnya mematuhi syarat yang ditetapkan oleh MPK dalam melaksanakan projek pembinaan baharu itu.

“Saya dimaklumkan memang pemaju tidak mematuhi syarat yang diluluskan oleh MPK mengikut pelan asal yang dipersejuaikan. Saya sudah arahkan MPK supaya mengeluarkan surat amaran kepada pemaju supaya segera baiki segala masalah yang berbangkit.

“Saya juga minta MPK supaya lebih kerap menjalankan pemantauan secara berkala dalam memastikan pemaju mengikut spesifikasi yang ditetapkan, jadi masalah di kemudian hari boleh dielakkan,” jelasnya.

“Pemaju bertindak berani tamak tanah buat tebatan dan korek tanah untuk bina parit dalam tanah orang sini walhal tempat mereka tak digunakan.

“Kesemua ini menimbulkan rasa tidak puas hati kepada kami ke-